



**PARLIMEN MALAYSIA**

## **SIARAN MEDIA**

### **PARLIMEN MALAYSIA MENGAMBIL MAKLUM CADANGAN GARIS PANDUAN BERKAITAN ISU KAUM, AGAMA DAN INSTITUSI DIRAJA (3R)**

---

**KUALA LUMPUR, 31 MAC 2026** – Parlimen Malaysia mengambil maklum berhubung pelancaran Laporan Rasisme Malaysia Tahun 2025 yang diterbitkan oleh Pusat KOMAS dan cadangan daripada Kerajaan mengenai garis panduan mengenai larangan menyentuh isu-isu berkaitan kaum, agama dan Institusi Diraja (3R) dalam ucapan di Parlimen.

Dalam hal ini, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah terdapat peruntukan mengenai larangan Ahli-ahli Parlimen membincangkan isu berkaitan Institusi Diraja serta larangan berucap berkaitan perkara yang berunsur kurang sopan, sangkaan jahat, serta perkara yang menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuh-musuhan di antara satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan Persekutuan atau Akta Hasutan 1948.

Oleh itu, cadangan penyediaan garis panduan ini kelak boleh menjadi rujukan tambahan dalam mentafsirkan peraturan-peraturan mesyuarat kedua-dua Dewan. Selain itu, garis panduan tersebut juga akan turut diuar-uarkan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk rujukan mereka demi memastikan ucapan mereka mematuhi peraturan-peraturan mesyuarat kedua-dua Dewan.

**-TAMAT-**

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
31 MAC 2026**